

UiTM kekal emas futsal SUKIPT

Oleh [Izzali Ismail](#) - September 10, 2024 @ 10:36am
bhsukan@bh.com.my



Pasukan UiTM yang muncul juara futsal lelaki SUKIPT di Sintok, Kedah semalam. – Foto NSTP/Izzali Ismail

SINTOK: Skuad futsal lelaki Universiti Teknologi MARA (UiTM) berjaya mengulangi kecemerlangan apabila mempertahankan pingat emas pada temasya Sukan Institusi Pengajian Tinggi (SUKIPT) 2024 di Universiti Utara Malaysia (UUM) semalam.

UiTM gah membenam Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) 5-0 pada final di Arena Sukan UUM.

Manakala pada aksi penentuan tempat ketiga dan keempat, KTPM Bangi mengalahkan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) juga 5-0.

Ketua jurulatih UiTM, Addy Shairullyzam Mohd Shafie berkata beliau bersyukur dan amat berpuas hati dengan kemenangan yang diperolehi pasukannya, walaupun terpaksa menempuh kepenatan selepas mengharungi perlawanan separuh akhir pada sebelah pagi.

"Saya bersyukur dan amat berpuas hati dengan kemenangan hari ini walaupun pemain kami masih penat selepas mengharungi perlawanan separuh akhir menentang KPTM Bangi pada sebelah pagi.

"Bila memasuki final, saya beritahu pemain supaya lebih fokus walaupun penat kerana kami perlu habiskan perlawanan dan kekalkan pencapaian yang kami raih dua tahun lalu," katanya.